

28/29

Dr. Mahathir menentang 'peluru berpandu sesat'

UM 21 NOV 1999

Oleh BAHAROM MAHUSIN



JITRA — Sejak hampir setahun lalu, para pemimpin Pas bercakap besar kononnya mereka akan menurunkan bekas pensyarah pengajian Islam Datuk Haron Din untuk menentang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di kawasan Parlimen Kubang Pasu.

Pertandingan itu yang disebut-sebut sebagai pertembungan gergasi dalam pilihan raya umum ke-10 tidak menjadi kenyataan.

Haron Din terduduk sebelum beliau turun ke gelanggang.

Haron dilaporkan uzur tetapi khabar angin yang bertiup di negeri-negeri utara mengatakan beliau menjadi penjamin pinjaman kepada seorang ahli perniagaan yang telah bankrap.

Dengan itu beliau hilang kelayakan untuk bertanding. Di Kubang Pasu, Dr. Mahathir memberitahu para pemberita di sini pagi ini bahawa beliau sebenarnya menunggu-nunggu Haron Din. "Depa kata Haron Din nak lawan saya. Saya dok tunggulah. Dia ni doktor (Ph.D) juga tetapi dia jual air jampi," katanya.

Sebagai seorang ahli politik yang berpengalaman bertanding dalam pilihan raya umum sebanyak sembilan kali sejak tahun 1964, Dr. Mahathir kelihatan relaks.

Beliau sampai awal di Pejabat Daerah Kubang Pasu di sini iaitu pada pukul 9.20 pagi. Subky Latiff, bekas wartawan yang dicalonkan oleh Pas untuk mencabar Dr. Mahathir tiba pada pukul 9.30 pagi. Pekan Jitra yang dipenuhi bendera-bendera dan poster pilihan raya mencerminkan persediaan Pas yang tergesa-gesa dalam meletakkan Subky.

Tidak ada satupun poster Subky kelihatan digantung atau ditampal di pekan itu. Berdasarkan keadaan itu, Subky boleh kita sahkan sebagai calon bidan terjun untuk kerusi Kubang Pasu selepas misteri yang menyelubungi nasib politik Haron Din.

Subky telah lama mengikuti perkembangan politik Dr. Mahathir. Beliau adalah seorang penulis politik ketika Dr. Mahathir baru dipecat daripada UMNO. Ketika Subky baru belajar menulis berita pada tahun 1964, Dr. Mahathir sudahpun menjadi ahli Parlimen dan intelektual terkenal dalam masyarakat Melayu. Di Kubang Pasu, awal-awal lagi Subky mengalami masalah rumit.

Beliau boleh bercakap kepada pengundi tentang hal-hal negara, falsafah politik atau isu kejadian cakerawala, tetapi dalam kempen-kempen pilihan raya di sini penekanan pengundi adalah berlainan.

"Dia bukan orang sini," kata Dr. Mahathir mengenai Subky. "Dia bukan orang Kedah. Dia orang Perak. Apa jasa dia di Kubang Pasu; apa dia punya pengetahuan. Apakah dia berharap dia akan dirikan kerajaan? Saya fikir penduduk di sini tahu bagaimana memilih." Subky pula ketika ditanya tentang peluangnya membuat satu kenyataan yang boleh ditakrifkan sebagai berlagak.

Katanya: "Saya ibarat peluru berpandu yang dihantar untuk menyelesaikan masalah yang tidak berupaya diselesaikan oleh orang UMNO. Saya gergasi yang dihantar untuk bunuh gergasi lain." Sebalik keghairahan itu, di luar pusat penamaan calon, banyak penduduk kawasan Parlimen Kubang Pasu menjadikan pencalonan Subky sebagai bahan jenaka. "Kalau Presiden Pas Fadzil Noor pun takut lawan Dr. Mahathir, apa lagi Subky. Pas sengaja nak Subky gali lubang kubur sendiri," kata salah seorang daripada mereka.

Publisiti

Seorang pembantu Perdana Menteri berkata, Subky sengaja bertanding di Kubang Pasu untuk memalukan Dr. Mahathir. "Lagipun, kalau kita hendak membantu rakyat, bertandinglah di tempat sendiri iaitu di Perak untuk mengukur kekuatan."

Apa yang cuba disampaikan oleh pembantu Perdana Menteri itu ialah Subky tidak pernah diterima oleh pengundi di negara ini dan beliau nampaknya mengejar publisiti. Latar belakang Subky menunjukkan beliau adalah seorang ahli politik yang gagal.

Kini Ketua Penerangan Pas, beliau mula bertanding dalam pilihan raya umum sejak tahun 1982 di Parlimen Kemaman, Parlimen Parit Buntar dan Gunung Semanggol, Perak. Dalam semua pilihan raya itu beliau kalah, satu bukti bahawa beliau adalah 'peluru berpandu sesat yang tidak pernah meletup.'

Masalah Barisan Nasional dan UMNO di Kubang Pasu, jika ada, berkait rapat dengan perasaan kecewa sesetengah calon yang tidak terpilih selain kemungkinan orang ramai tidak keluar mengundi kerana merasakan Dr. Mahathir akan menang selesa. Sungguhpun wujud masalah itu, bekas Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Jitra, Osman Aroff memberitahu pemberita: "Isu itu akan selesai dalam sehari dua ini."

Politik bagi kawasan majoriti penduduk Melayu seperti di Kubang Pasu adalah menyeronokkan, dan tergambar hari ini. Kira-kira 5,000 penyokong mengiringi Dr. Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali memasuki pagar Pejabat Daerah Kubang Pasu.

Di pihak Pas, penyokong dalam jumlah yang sama juga mengiringi Subky. Para penyokong Pas mempunyai suara yang lebih kuat dan mereka berselawat dan takbir "seolah-olah mereka sedang menentang seorang pemimpin kafir." Eksploitasi agama dijangka menjadi bahan kempen utama kempen-kempen Pas di sini.

Para penyokong Barisan Nasional yang berkumpul kira-kira 30 meter dari kumpulan penyokong Pas itu pula lebih patriotik dari segi pengibaran bendera. Penyokong Pas hanya mengibarkan bendera Pas, dan cuma ada sehelai bendera Malaysia.

Dalam kumpulan penyokong Barisan Nasional, semangat pelbagai kaum jelas kelihatan. Ada wajah Cina dan India di sana. Apabila pengumuman senarai calon pilihan raya selesai dibuat oleh Pegawai Pilihan Raya Datuk Farouk Che Ibrahim pada pukul 1.11 tengah hari, Dr. Mahathir berjalan ke luar pagar Pejabat Daerah Kubang Pasu untuk bersalaman dengan orang ramai.

Susuk tubuh beliau hilang dalam orang ramai yang bersesak-sesak dan tenggelam dalam nyanyian lagu *Barisan Kita*. Subky pula keluar pada pukul 1.20 tengah hari dan dia dijulung oleh para penyokong Pas. Mereka bertepuk tangan untuk memberi sokongan kepada Subky tetapi seorang lelaki kemudian menjerit, "Jangan tepuk tangan! Jangan tepuk tangan! Kita tidak mahu tepuk tangan!" Subky meninggalkan Pejabat Daerah Kubang Pasu itu buat sementara sebelum kembali semula ke pejabat itu pada 29 November ini untuk pengiraan undi.

Di salah satu dinding di pejabat daerah itu tertera satu kata-kata pujangga yang dalam maksudnya, yang mungkin sesuai untuk direnungi oleh Subky sepanjang masa berkempen. Kata-kata itu berbunyi: "Hidup ini ibarat sebutir bawang.

Anda kupas selapis demi selapis dan sekali sekala anda akan mengalirkan air mata." Subky mungkin menaruh harapan, tetapi sejarah politiknya hampir pasti berakhir di Kubang Pasu dalam tangisan air mata. Beliau merasakan dirinya gergasi, tetapi beliau cuma ahli politik kerdil. Beliau menganggap dirinya peluru berpandu, dan peluru ada kalanya meletup dalam diri sendiri.